



LAKSANA TEMBILANG, LAKSANA PENGGALI; BEGITU YANG HILANG, BEGITU PENGGANTI

Maksud: Yang digantikan sama baik dengan yang hilang.

Contoh ayat: Munah tidak lagi bersedih hati sejak kematian suami pertamanya tiga tahun lalu kerana suami baharunya, **laksana tembilang, laksana penggali; begitu yang hilang, begitu pengganti.**

(Sumber: Kamus Peribahasa Kontemporari Edisi Ketiga)



KESALAHAN DALAM FRASA NAMA MAJMUK BILANGAN 2

Frasa nama majmuk bermaksud satu rangkaian kata yang memiliki kata majmuk di dalamnya.

AYAT YANG SALAH:

Semua murid diminta mengulangkaji tajuk Sejarah yang telah dipelajari semalam.

AYAT YANG BETUL: (kata majmuk yang menerima imbuhan awalan dan akhiran dieja terpisah)

Semua murid diminta mengulang kaji tajuk Sejarah yang telah dipelajari semalam.

1

2

AYAT YANG SALAH:

Ayah meminta abang supaya mengurus niagakan perniagaan nasi lemak di gerainya.

(kata majmuk yang menerima imbuhan apitan, ejaannya dieja bercantum) **AYAT YANG BETUL:**

Ayah meminta abang supaya mengurusniagakan perniagaan nasi lemak di gerainya.



BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU

KOSA KATA WARSA

Warsa merupakan kosa kata Sanskrit yang bermaksud tahun.



INFO PUGAR BAHASA

Bil. 19/2019

INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA
Jabatan Perkhidmatan Awam



ISTILAH SUKAN BILANGAN 2

Istilah bermaksud perkataan atau rangkai kata yang menyatakan sesuatu dengan betul, tepat dan sesuai dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan.

ABSEILING

Turun cenuram - aktiviti menurun permukaan batu atau permukaan lain dengan menggunakan tali yang diikat di badan.



FLYING FOX

Luncur keluang - Aktiviti meluncur dari ketinggian tertentu dengan menggunakan peralatan khusus.

(Sumber: Istilah Semasa - Pelita Bahasa Bilangan 8 Tahun 2019)



KATA GANDA

Kata ganda ialah kata yang terbentuk daripada kata yang digandakan melalui proses penggandaan sama ada penggandaan penuh, separa atau berentak.

- 1 ▶ PENGGANDAAN PENUH: CELAH-CELAH** (tempat yang terluang antara benda-benda)
Contoh ayat: Nenek gemar menyimpan wang di **celah-celah** lipatan bajunya.
- 2 ▶ PENGGANDAAN SEPARA: CELA-MENCELA** (saling mengecam, kritik, mencaci)
Contoh ayat: Mengapa kamu suka **cela-mencela** anak angkat kamu?
- 3 ▶ PENGGANDAAN BERENTAK: CEMONGKAH-CEMANGKIH** (tidak rata, terjongket)
Contoh ayat: Papan lantai rumah datuk **cemongkah-cemangkih**.



KOSA KATA BILANGAN 4

Keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa atau perbendaharaan kata.

PENCOMEL (maksud: PELETER)

Contoh ayat: Ibu yang **pencomel** kadang-kadang merimaskan anak-anak.

PENCACAU (maksud: AZIMAT)

Contoh ayat: Penjual ubat itu menjual **pencacau** yang berbalut kain berwarna kuning.

PENGASUNG (maksud: PENGHASUT)

Contoh ayat: Harap Tuanku tidak percaya pada kata-kata **pengasung** dalam istana.